



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

# 3 prinsip seru manusia kepada jalan Allah

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.

“Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.” (Surah an-Nahl, ayat 125)

Nas ini meletakkan tiga prinsip utama dalam menyeru manusia kepada Allah iaitu penyampaian secara berhikmah, pengajaran atau pelajaran yang baik dan berbahas dengan baik.

Hikmah secara ringkasnya adalah menggunakan kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan serta cara penyampaian yang bagus dan bersifat adil.

Ia juga bererti ucapan yang sedikit lafaz tetapi memiliki banyak makna atau bermakna

menggunakan ucapan sesuai dengan keadaan setempat.

Orang memiliki hikmah disebut al-hakim kerana bijak menggunakan ilmu tertentu sesuai dengan keadaannya.

Daripada pengertian ini, dapat difahami hikmah adalah kemampuan dan kebijaksanaan pendakwah atau dai dalam memilih dan menyelaraskan teknik dan bahan dakwah mengikut keadaan orang menerimanya.

Ini adalah supaya mereka tidak berasa terbeban kerana mental yang belum bersedia untuk menerimanya.

Cara penyampaian juga dipelbagaikan agar lebih menarik. Ia tidak menyinggung perasaan, menyebabkan kemarahan atau kesan penolakan ke atas usaha dilakukan.

Prinsip kedua adalah pengajaran baik, yang menekankan motivasi kepada manusia. Kata-kata digunakan mestilah lembut.

Ia juga bererti nasihat disampaikan yang mengingatkan akibat suatu perbuatan dan menyuruh



manusia untuk mentaati Tuhan. Nasihat dengan ucapan lembut dapat menyentuh hati agar kembali kepada Pencipta.

Pendekatan dakwah mengikut prinsip pengajaran baik akan memudahkan kita mendekati manusia. Ia mudah masuk ke dalam hati dengan penuh kelembutan.

Seorang dai perlu juga mengingatkan diri sendiri supaya memberikan contoh baik kepada masyarakat sekeliling.

Prinsip ketiga adalah ber-bahas dengan baik; membabitkan cara pemikiran dan wawasan keilmuan yang tinggi.

Sayid Qutb mendefinisikan ‘berdialog dan berdiskusi’ bukan untuk

mencari kemenangan semata-mata, tetapi agar patuh dan tunduk terhadap agama untuk mencari kebenaran.

Seorang dai selain perlu memiliki dan menguasai ilmu yang tinggi, dia mesti ada kemampuan menahan diri daripada mengikut emosi, sekali gus mengelakkan orang menjauhinya.

Kita bukan berbahas untuk mencari kemenangan semata-mata kerana ia tidak menjamin kita masuk syurga.

Firman-Nya bermaksud: “Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya dia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

“Dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang (ada persediaan untuk) mendapat hidayah petunjuk (kepada memeluk Islam)” (Surah al-Qasas, ayat 56)

Setiap dai mesti mengingati nas ini. Hidayah adalah mutlak daripada-Nya. Tanggungjawab kita hanya menyampaikannya mengikut prinsip dinyatakan tadi, sesuai dengan keupayaan kita.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM**